



LEMBAGA  
LEBUHRAYA  
MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG (LUARAN)

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 ( 32)

### 1) JURUTERA MEKANIKAL/ELEKTRIK (GRED J52) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Jurutera Mekanikal/Elektrik (Gred J52)  
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 5,857.00 – RM 12,446.00
3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal/ Elektrik dan Elektronik/ Mekatronik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan  
(ii) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
  - (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - (e) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 12 tahun dalam bidang sistem pengangkutan pintar (*Intelligent Transportation System*) dan **keutamaan** diberikan kepada bidang industri lebuhraya:
    - i. Mempunyai pengetahuan yang luas berkenaan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang merangkumi perkara-perkara seperti teknologi *Big Data Analytic*, *Artificial Intelligence (AI)*, *Cloud*

*Computing, Internet Of Thing (IoT) dan lain-lain pengetahuan yang diperlukan untuk menjayakan perlaksanaan Multi Lane Free Flow (MLFF);*

ii. Mempunyai pengetahuan dalam bidang infrastruktur teknologi maklumat terutama berkaitan dengan *Communication Networking (Intranet & Internet)* dan, *Pembangunan Sistem Aplikasi*;

(f) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; dan

(g) Mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.

4. Taraf Jawatan : **KONTRAK**

5. Fungsi Bidang Tugas :

Antara fungsi bidang tugas jawatan adalah seperti berikut:

(a) Membantu pasukan petugas khas bagi mengawalselia dan mengurus pelaksanaan kutipan tol secara *Multi Lane Free Flow (MLFF)*;

(b) Terlibat dalam rundingan dan mencadangkan dasar pelaksanaan *Multi Lane Free Flow (MLFF)* merangkumi bidang operasi, teknikal, kewangan dan perundangan;

(c) Merancang program kerja dan memantau kemajuan pelaksanaan MLFF;

(d) Menyelaras pelaksanaan MLFF antara kementerian/ agensi di semua peringkat pelaksanaan projek (perancangan, pembinaan infrastruktur dan operasi);

(e) Merundingkan terma dan syarat perjanjian konsesi dan appendik teknikal dengan pihak berkaitan;

(f) Memantau kepatuhan obligasi-obligasi yang dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi dan Appendik Teknikal;

(g) Membuat pengesoran untuk kelulusan semua rekabentuk sistem kutipan tol sehingga ke peringkat reka bentuk terbina (*as-built*) selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan; dan

- (h) Menguruskan dan membentangkan kertas-kertas cadangan berkaitan MLFF di semua peringkat

## **2) PENOLONG JURUTERA (AWAM) (GRED JA29) KONTRAK**

1. (a) Jawatan : Penolong Jurutera (Awam)  
(Gred JA29)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji Minimum – Maksimum : RM 1,549.00 – RM 5,701.00
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau

    - ii) Diploma dalam kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).
  - d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab mengendalikan perancangan dan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan awam iaitu membantu menyediakan isi kandungan perjanjian konsesi dan teknikal apendiks lebuh raya baharu, menyediakan laporan outcome lebuh raya yang telah beroperasi, mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga serta tender, membantu mengemaskini data ke dalam Sistem Pengurusan Aset Lebuhraya, membantu memproses permohonan Pembangunan Tepi Lebuhraya (PTL) serta menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan.

### **3) PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 KONTRAK**

1. (a) Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Gred N19)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji Minimum – Maksimum : RM 1,352.00 – RM 4,003.00
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau  
ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

- d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan dan statistik.

## CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara on-line melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **20 Jun 2022 (Isnin)** hingga **3 Julai 2022 (Ahad)**.

## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **4 Julai 2022 (Isnin)**.

## PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

1. Tidak lengkap;
2. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
3. Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan;

## **CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.